

GARIS PANDUAN PERMOHONAN POTONGAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PERBELANJAAN YANG DIKELUARKAN OLEH SYARIKAT YANG MENGANJURKAN PROGRAM INTEGRITI DAN ANTIRASUAH DI BAWAH SUBSEKSYEN 34(6)(h) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

1. LATAR BELAKANG

YB Menteri Kewangan meluluskan secara dasar program integriti dan antirasuah sebagai projek komuniti / amal yang diluluskan di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967. Oleh itu, penyumbang yang membuat perbelanjaan bagi tujuan ini adalah layak untuk memohon potongan cukai daripada pendapatan kasar perniagaan suatu amaun bersamaan dengan amaun perbelanjaan yang dibuat.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan syarat dan prosedur permohonan kelulusan potongan cukai di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas sumbangan yang dibuat bagi projek komuniti / amal untuk menggalakkan sektor korporat melaksanakan program / aktiviti pencegahan rasuah melibatkan komuniti. Seterusnya, menyemarakkan budaya integriti dan benci rasuah dalam kalangan masyarakat.

3. PEMOHON YANG LAYAK

Syarikat / Organisasi berikut layak memohon potongan cukai apabila menganjurkan / melaksanakan program integriti dan antirasuah:

- a. Mana-mana syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016;
- b. Mana-mana perniagaan yang ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2015;

- c. Mana-mana perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961;
- d. Mana-mana perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012;
- e. Mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993; dan
- f. Syarikat / Perniagaan luar negara yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

4. KRITERIA PROJEK INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

Pelaksanaan program / aktiviti integriti dan antirasuah yang layak menikmati potongan cukai di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 hendaklah menepati kriteria seperti berikut:

- a. Program / Aktiviti dijalankan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sama ada di peringkat Ibu Pejabat SPRM atau SPRM Negeri;
- b. Program / Aktiviti hendaklah memberi manfaat kepada masyarakat umum (termasuk pelajar institusi pendidikan tinggi dan murid sekolah), bukan hanya kepada pegawai dan kakitangan syarikat sahaja;
- c. Program / Aktiviti bukan bermotifkan keuntungan kepada syarikat dan tidak menyentuh isu politik semasa;
- d. Program / Aktiviti bukan aktiviti utama perniagaan (*core business*) kepada syarikat;
- e. Program / Aktiviti adalah dilaksanakan secara sukarela oleh syarikat; dan
- f. Sekiranya program / aktiviti integriti dan antirasuah yang dilaksanakan itu bercampur dengan program / aktiviti utama perniagaan; atau bermotifkan keuntungan; atau program / aktiviti khusus kepada pegawai

/ kakitangan syarikat; maka potongan cukai hanya akan diberi kepada program / aktiviti yang menepati kriteria (a), (b), (c), (d) dan (e) sahaja.

5. BENTUK PROGRAM INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

- 5.1 Program / Aktiviti pendidikan atau kesedaran berkaitan integriti dan antirasuah yang dilaksanakan **secara bersemuka** dan memberi manfaat kepada masyarakat. Contoh program / aktiviti tersebut adalah seminar, forum, turun padang, program dengan pelajar IPT, program bersama murid sekolah dan lain-lain; atau
- 5.2 Program / Aktiviti pendidikan atau kesedaran berkaitan integriti dan antirasuah yang dilaksanakan melalui **hebahan media**, merangkumi media elektronik, media cetak dan media sosial. Contoh program / aktiviti tersebut adalah penerbitan *public service announcement* (PSA) atau video pendek bermesej integriti dan antirasuah; penerbitan lagu, penyiaran mesej di stesen televisyen atau radio; pesanan integriti dan antirasuah di media cetak; penyiaran mesej antirasuah di papan iklan, *digital billboard*; dan lain-lain lagi.

6. PROSEDUR PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI OLEH SYARIKAT YANG LAYAK

- 6.1 Sebelum pelaksanaan program - Syarikat hendaklah mendapat kelulusan / persetujuan bertulis daripada SPRM (peringkat Ibu Pejabat SPRM atau SPRM Negeri) untuk melaksanakan program integriti dan antirasuah. Contoh kelulusan / persetujuan SPRM adalah seperti di **Lampiran A**.

- 6.2 Selepas pelaksanaan program - Syarikat hendaklah mendapatkan pengesahan pelaksanaan program daripada SPRM bagi program / aktiviti integriti dan antirasuah yang telah dilaksanakan.
- 6.3 Bagi tujuan pengesahan program, syarikat hendaklah menyediakan **Laporan Program / Aktiviti Integriti dan Antirasuah** yang mengandungi perkara berikut:
- a. Latar belakang program;
 - b. Perincian program / aktiviti;
 - c. Penglibatan komuniti;
 - d. Perincian kos; dan
 - e. Gambar-gambar semasa program berlangsung.
- 6.4 Syarikat hendaklah mengemukakan permohonan pengesahan program bersama Laporan Program / Aktiviti Integriti dan Antirasuah kepada:

**Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
No. 2, Lebuhr Wawasan, Presint 7
62250 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

Atau

Pengarah SPRM Negeri

- 6.5 Pengesahan oleh SPRM bagi pelaksanaan program / aktiviti integriti dan antirasuah adalah seperti mana di **Lampiran B**.

- 6.6 Syarikat hendaklah mengemukakan permohonan yang telah disahkan oleh SPRM kepada Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:

Setiausaha Bahagian Cukai

Bahagian Cukai

Tingkat 6, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan

Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62592 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

7. HAD DAN KELULUSAN POTONGAN CUKAI

- 7.1 Kos pelaksanaan program / aktiviti integriti dan antirasuah hendaklah munasabah dan bukan dalam kategori perbelanjaan mewah.
- 7.2 Jumlah yang diluluskan potongan cukai adalah sama seperti perbelanjaan yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan akan membuat pertimbangan mengikut jumlah kos perbelanjaan yang berkaitan dengan program / aktiviti integriti dan antirasuah sahaja.

8. KESALAHAN MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PALSU

Kementerian Kewangan boleh membatalkan kelulusan pada bila-bila masa sekiranya didapati syarikat dengan sengaja mengemukakan dokumen tuntutan yang mempunyai butiran palsu.

9. TARIKH KUAT KUASA

Kelulusan potongan cukai di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi pelaksanaan program / aktiviti integriti dan antirasuah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021.

LAMPIRAN A



IBU PEJABAT
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
No. 2, Lebu Wawasan
Presint 7
62250 PUTRAJAYA



Telefon : 03-8870 0000
Faks : 03-8870 0901
<http://www.sprm.gov.my>

Rujuk Tuan :
Ruj Kami :
Tarikh :

(Nama Syarikat)

.....
.....
.....
.....

Tuan/Puan,

PERMOHONAN MELAKSANAKAN PROGRAM / AKTIVITI INTEGRITI DAN ANTIRASUAH DENGAN KERJASAMA SPRM

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada surat permohonan tuan rujukan bertarih berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa SPRM **bersetuju / tidak bersetuju** bekerjasama dengan syarikat tuan / puan bagi melaksanakan program / aktiviti seperti berikut:

2.1 Nama program / aktiviti:

2.2 Tarikh program / aktiviti:

3. Bagi tujuan permohonan potongan cukai, program ini mesti menepati semua kriteria seperti mana yang ditetapkan dalam Garis Panduan Permohonan Potongan Cukai Pendapatan Ke Atas Perbelanjaan Yang Dikeluarkan Oleh Syarikat Yang Menganjurkan Program Integriti Dan Antirasuah Di Bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....

()

Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat / Pengarah SPRM Negeri

b.p Ketua Pesuruhjaya,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

LAMPIRAN B



IBU PEJABAT
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
No. 2, Lebu Wawasan
Presint 7
62250 PUTRAJAYA



Telefon : 03-8870 0000
Faks : 03-8870 0901
<http://www.sprm.gov.my>

Rujuk Tuan :
Ruj Kami :
Tarikh :

Kepada:

YB Menteri Kewangan,

PENGESAHAN PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI INTEGRITI DAN ANTIRASUAH OLEH SYARIKAT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Saya No. Kad Pengenalan berjawatan mengesahkan bahawa Syarikat **(nama syarikat)** telah melaksanakan program / aktiviti integriti dan antirasuah seperti perincian berikut:

- 2.1 Nama program / aktiviti:
- 2.2 Tarikh program / aktiviti:
- 2.3 Kos program / aktiviti:

3. Perincian program dan kos adalah seperti mana **Laporan Program / Aktiviti Integriti dan Antirasuah** yang dilampirkan bersama surat ini. Laporan ini disediakan oleh syarikat yang melaksanakan program. Oleh sebab itu, SPRM tidak bertanggungjawab sekiranya terdapat kesilapan fakta, fakta tidak tepat atau palsu dalam laporan ini.


4. Permohonan potongan cukai di bawah Subseksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 ini adalah selaras dengan kelulusan secara dasar YB Menteri Kewangan melalui surat MOF.TAX.700-3/1/563(7) bertarikh 5 April 2021.

Sekian, terima kasih.

.....

(Nama / Jawatan)

Bahagian Pendidikan Masyarakat / SPRM Negeri
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



LAMPIRAN C

CARTA ALIR PROSES MELAKSANAKAN PROGRAM / AKTIVITI INTEGRITI & ANTIRASUAH SERTA PERMOHONAN POTONGAN CUKAI OLEH SYARIKAT

